



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING iLQAM

Bilangan 1/2014

Semua Staf
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Unit
Dekan Fakulti/Rektor
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

MEWAJIBKAN PROGRAM “PhD ON-TIME” KEPADA CALON YANG INGIN MEMOHON BIASISWA STAF AKADEMIK UiTM DAN BIASISWA SKIM TENAGA PENGAJAR MUDA (TPM) PERINGKAT IJAZAH KEDOKTORAN (PhD)

Dengan segala hormatnya pihak iLQAM ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) UiTM bil 1/2014 bertarikh 13 dan 20 Januari 2014 dan Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (JKLPS) Induk yang ke 273 pada 1 April 2014 telah meluluskan Program 'PhD On Time' (POT) sebagai salah satu syarat wajib bagi calon-calon yang ingin memohon Biasiswa Staf Akademik UiTM dan Biasiswa Skim Tenaga Pengajar Muda (TPM) peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD). Program ini diwujudkan bagi mendukung aspirasi universiti untuk memastikan calon-calon yang ditawarkan biasiswa berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Program 'PhD On Time' (POT) anjuran iLQAM ini terbahagi kepada 2 bahagian seperti berikut:

- i) **'PhD ON-TIME: Pre-PhD Preparation' (Baru)** – Program wajib kepada calon-calon yang ingin memohon Biasiswa Staf Akademik UiTM dan Biasiswa Skim Tenaga Pengajar Muda (TPM) bagi peringkat Ijazah Kedoktoran.
- ii) **'PhD ON-TIME: PhD Research Methodology' (Sedia Ada)** – Program wajib kepada calon-calon yang telah berjaya ditawarkan Biasiswa Staf Akademik UiTM dan Biasiswa Skim Tenaga Pengajar Muda (TPM) bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Kedoktoran dan telah menghadiri **Program 'Pre-PhD Preparation'**.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING iLQAM

Program (i) di atas juga terpakai untuk calon-calon yang telah mendapat tawaran biasiswa bagi tahun 2014 dan masih belum memulakan pengajian.

Tarikh kuatkuasa pelaksanaan ini adalah 1 April 2014.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Yang benar,

PROF. MADYA DR. ISMIE ROHA MOHAMED JAIS
Pemangku Penolong Naib Canselor (Kepimpinan)

Bil. Fail : 100-iLQAM (6/7)
Tarikh : 22 April 2014